

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Thursday, 6 October, 2016 11:44 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MAJLIS RAMAH MESRA BAGI MERAIKAN PELAJAR PROGRAM MOBILITI INBOUND BERKREDIT A161



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia



6 OKTOBER 2016 / 5 MUHARRAM 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt. & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

**MAJLIS RAMAH MESRA BAGI MERAIKAN PELAJAR PROGRAM MOBILITI INBOUND
BERKREDIT A161**



PPACAS ONLINE: Pejabat Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA), UUM College of Arts and Sciences telah mengadakan Majlis Ramah Mesra bagi meraikan pelajar Program Mobiliti Inbound Berkredit A161 di Acedemia Lounge, UUM. Majlis ini melibatkan seramai 40 orang pelajar mobiliti inbound berkredit antarabangsa dari pelbagai universiti luar negara antaranya seperti Universitas Syiah Kuala, Universitas Sebelas Maret, Universitas Dian Nuswantoro, Universitas Ahmad Dahlan, The London School of Public Relations, Telkom University, Indonesia, Universiti Brunei Darussalam, Shijizhuang College, Anhui Xinhua University, Gui Zhou Jiao Tong College China, Xi'An University of Architecture and Technology, Huaqing College China, dan Guangxi University of Foreign Language, China. Manakala seramai 10 orang pelajar mobiliti inbound berkredit tempatan turut terlibat di dalam majlis ini adalah dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah.

Majlis ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Dr. Massudi Mahmuddin, Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA), UUM College of Arts and Sciences, wakil-wakil daripada Pusat Pengajian UUM College of Arts and Sciences, *global buddies* serta staf yang lain. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk beramah mesra serta meraikan pelajar-pelajar mobiliti inbound berkredit ini, di samping memperkenalkan latar belakang serta peraturan-peraturan yang terdapat di Universiti Utara Malaysia (UUM) agar mereka memahami dengan lebih mendalam mengenai hal tersebut.

Majlis ini telah dimulakan dengan ucapan oleh Dr. Massudi Mahmuddin yang mana beliau telah memberikan suntikan semangat kepada pelajar-pelajar ini di dalam pembelajaran mereka dan menyeru agar mereka menikmati pengalaman-pengalaman yang berharga sepanjang mereka berada di UUM kelak. Majlis ini diakhiri dengan acara penyampaian hadiah kepada para pelajar mobiliti, sesi fotografi beramai-ramai dan jamuan makan petang.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni

UUM College of Arts & Sciences

Tel: 049285307 | Faks: 049285310

Emel:cas-sadc@uum.edu.my

Website:<http://ppacas.uum.edu.my>



Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni



@ppauumcas

=====

